

## **Kesedaran komuniti terhadap penyalahgunaan dadah di Sabah: pemberdayaan komuniti**

### **ABSTRACT**

Community Empowerment adalah salah satu strategi utama Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Ia adalah satu agenda untuk merekayasa komuniti bertujuan memberi kesedaran tentang tanggungjawab komuniti dalam membanteras penyalahgunaan dadah. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kesedaran komuniti terhadap bahaya penyalahgunaan dadah di negeri Sabah. Pendekatan kualitatif menggunakan temu-bual semi berstruktur dan kajian kes telah digunakan sebagai kaedah kajian. Seramai 35 peserta dari komuniti Sabah ( $N=35$ ) telah terlibat. Dalam kajian ini, kesedaran komuniti diukur melalui empat dimensi, iaitu pengetahuan komuniti, suasana komuniti, kepimpinan dan penilaian keberkesanan program. Dapatan kajian menunjukkan ahli komuniti mempunyai kesedaran tinggi mengenai bahaya penyalahgunaan dadah, kesedaran tinggi tentang peranan komuniti dalam pencegahan dan kesedaran tinggi untuk terlibat secara aktif dalam membanteras penyalahgunaan dadah dalam komuniti mereka. Kajian ini selanjutnya menyarankan agar penambahbaikan secara berterusan terhadap pelbagai bentuk program pencegahan penyalahgunaan dadah sedia ada dijalankan dalam komuniti di Malaysia terutamanya di Sabah.